

Abdullah diyakini dapat teruskan kecemerlangan negara

UM - 1 NOV 2003.
KUALA LUMPUR 31 Okt. — Presiden Pertubuhan Pasokmomoگون Kadazandusun Bersatu (UPKO), Tan Sri Bernard Dompok yakin Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan dapat meneruskan kecemerlangan negara seperti yang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini.

Menurut beliau, Abdullah juga merupakan seorang pemimpin yang berwibawa dan negara bertuah untuk menerima beliau sebagai Perdana Menteri baru menggantikan Dr. Mahathir.

“Kita amat yakin Abdullah akan berupaya menyambung kepimpinan negara dengan baik dan meneruskan kecemerlangan masa depan negara kita melalui peralihan kuasa yang cukup teratur dan harmoni,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Abdullah mengambil alih tampuk kepimpinan setelah Dr. Mahathir bersara hari ini, selepas menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Bernard yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut mengucapkan selamat bersara kepada Dr. Mahathir dan berharap beliau

serta keluarga akan menikmati kehidupan persaraan dalam keadaan sihat serta selesa.

“Rakyat Malaysia amat bertuah mendapat seorang negarawan seperti Dr. Mahathir.

“Nilai sumbangan beliau tidak terkira dan tidak terbalas oleh kita,” katanya.